

20/05/1998

Album terbaru Mayank Sari ditunggu

NAMA Mayank Sari tidak asing lagi di kalangan peminat muzik di negara ini. Pada 1990 sudah cukup menggegarkan dunia muzik Indonesia dan tempiasnya turut dirasai di negara ini.

Kelebihan yang ada padanya dari segi paras rupa dan mutu suara yang baik menjadikan kemunculan album Mayank Sari sentiasa dinanti-nantikan.

Mayank Sari atau nama sebenarnya Agustina Mayang Sari dilahirkan pada 23 Ogos 1971 di Purwokorto, Indonesia. Bakatnya dalam bidang muzik mula terserlah selepas menjuarai Pertandingan Juara 1 Lumba Suara Pelajar Sejava Bali.

"Selepas itu, dia terus dipikat beberapa syarikat rakaman, termasuk syarikat rakaman ini. Sehingga kini, dia berjaya menghasilkan tujuh album. Kejayaan meraih jualan album yang baik membuatnya terus melahirkan album baru setiap tahun," katanya.

Antara koleksi album Mayank Sari ialah Ghairah (1990), Selamat Malam Cinta (1991), Biarkan Sahaja (1994), Rasa Cintaku (1995), Berikanlah Kesempatan (1996), Harus Malam Ini (1997) dan yang terbaru, Tiada Lagi.

Katanya, kemunculan album Tiada Lagi akan membawa Mayank Sari sekali lagi ke negara ini bertujuan menjayakan pelbagai urusan promosi, selain menjayakan rancangan hiburan.

Penyanyi itu bersama beberapa artis tempatan dan Asia Tenggara lain akan membuat persembahan khas dalam Konsert Seceria Pelangi yang akan disiarkan secara langsung menerusi ntv7, mulai jam 8.30 malam, 22 Mei ini.

Konsert itu bersempena pelancaran serentak Pusat Penyiaran ntv7 di Shah Alam, Selangor dan Kuching, Sarawak oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Berkonsepkan pop komersil, album Tiada Lagi kini terjual ratusan ribu unit di Indonesia sahaja dan Mayank Sari sendiri berharap kejayaan itu mampu diraihinya di negara ini.

Mengenai proses pembikinan album itu, Mayank Sari, berkata dia berbangga kerana mendapat khidmat komposer terkenal Indonesia seperti Kohar Kahler, Hendry Irvan dan Nick S.

(END)